



## **SIKAP DAN TINGKAH LAKU GURU TERHADAP PENGGUNAAN PETA PEMIKIRAN I-THINK DALAM PROSES PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH**

*(Attitude and behaviour of teachers towards the use of i-Think maps in the teaching of Islamic Education in schools)*

Roselizam Daud<sup>1\*</sup>, Roslan Ab Rahman<sup>1</sup>, Noradilah Abdul Wahab<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam dan Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Campus,  
21300, Terengganu, Malaysia

*\*Corresponding Author Email: roselizamdaud@gmail.com*

Received: 2 March 2020 • Accepted: 7 May 2020 • Published: 31 October 2020

### ***Abstract***

*This article discusses the level of attitude and behavior of teachers towards the use of i-Think maps in the teaching process in schools. In implementing quality teaching and learning processes, elements of high-level thinking skills should be used in conjunction with students' cognitive levels. This article explains the findings of the study on the attitude and behavior of Islamic Education teachers towards the use of i-Think thinking maps in their teaching. This study used a set of questionnaire forms that were randomly assigned to 103 Islamic Education teachers who were teaching in secondary schools in Terengganu. The data were analyzed descriptively to find the frequency, percentage and mean distribution. A t-test was also conducted to see differences between genders. The results of this study have found that Islamic Education teachers have a high level of attitude and behavior towards the use of mind maps in the teaching process with an average mean value of 7.49 (attitude) and the average mean value of 7.29 (behavior). This study also found that there were no significant differences in attitudes and behaviors towards the use of i-Think thinking maps among teachers based on gender. The discussion through this empirical study is expected to provide a broader understanding of teachers' attitudes and behaviors towards the use of i-Think thinking maps to achieve the 2013-2025 PPPM aspiration for 21<sup>st</sup> Century Learning.*

**Keywords:** *i-Think Maps, attitudes, behaviors, teachers*

### Abstrak

Artikel ini membincangkan tahap sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah. Dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, unsur-unsur dalam kemahiran berfikir aras tinggi harus digunakan bersesuaian dengan tahap kognitif murid. Artikel ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan tahap sikap dan tingkah laku guru-guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran mereka. Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik yang diberikan secara rawak kepada 103 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah-sekolah menengah di Terengganu. Data dianalisa secara deskriptif bagi mencari taburan kekerapan, peratusan dan min. Ujian t juga dijalankan untuk melihat perbezaan antara jantina. Hasil kajian ini telah mendapati guru Pendidikan Islam mempunyai tahap sikap dan tingkah laku yang tinggi terhadap penggunaan peta pemikiran dalam proses pengajaran dengan nilai purata min 7.49 (sikap) dan nilai purata min 7.29 (tingkah laku). Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap dan tingkah laku terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam kalangan guru berdasarkan jantina. Justeru, perbincangan melalui kajian empirikal ini diharapkan dapat memberi pemahaman kepada pelbagai pihak tentang sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think bagi mencapai hasrat PPPM 2013-2025 ke arah Pembelajaran Abad ke-21.

**Kata kunci:** Peta Pemikiran *i-Think*, sikap, tingkah laku, guru

**Cite as:** Daud, R., Rahman, R.A., Wahab, N.A. (2020). Attitude and behaviour of teachers towards the use of i-Think maps in the teaching of Islamic Education process in schools. *Asian People Journal*, 3(2), 24-35.

### PENGENALAN

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kemahiran berfikir adalah salah satu daripada enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk bersaing pada peringkat global (KPM, 2013). Transformasi kurikulum pendidikan dalam PPPM 2013-2025 memberi penekanan kepada konsep KBAT yang berupaya melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran kritis dan kreatif. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mula mengorak langkah untuk menyediakan kurikulum berdasarkan tanda aras antarabangsa serta memperkenalkan pentaksiran yang lebih holistik. Oleh yang demikian, antara inisiatif yang dilaksanakan salah satu daripadanya ialah penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Program i-Think (KPM, 2015).

Dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, unsur-unsur dalam kemahiran berfikir aras tinggi harus digunakan bersesuaian dengan tahap kognitif murid. Guru seharusnya memandang serius kerana ia mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan. Pada abad ke 21, KBAT amat penting bagi menentukan kejayaan murid. KBAT didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berupaya mencipta sesuatu. Oleh kerana itu, teknik mengajar menggunakan peta pemikiran i-think merupakan salah satu usaha dalam membantu guru mengubah mentaliti dan amalan lama. Teknik ini mampu mewujudkan suasana pengajaran yang menyeronokkan dan berkesan (Nurhafizah Zaidi, Roslinda Rosli, & Mohamed Yusoff Mohd Nor, 2015).

Bagi merealisasikan tuntutan transformasi tersebut, program Peta Pemikiran *i-Think* diperkenalkan menggunakan pendekatan seluruh sekolah atau *whole school approach* yang memberi latihan kepada pentadbir, guru dan murid dalam proses PdPc. *i-Think* bermaksud *innovative thinking* atau pemikiran inovatif yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid yang kreatif, kritis dan inovatif. Program ini adalah hasil kerjasama KPM dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Program *i-Think* merupakan satu program yang memberi perhatian kepada peta pemikiran. Peta pemikiran *i-think* digunakan untuk meningkatkan daya pemikiran seseorang. Setiap peta pemikiran mempunyai proses pemikiran yang disesuaikan mengikut tajuk atau unit pelajaran. Peta pemikiran *i-think* adalah alat berfikir yang dipersembahkan dalam lapan bentuk peta pemikiran secara visual yang mudah diguna pakai dan difahami merentasi kurikulum. Kaedah yang dipilih oleh guru perlulah menepati dan sesuai dengan objektif di atas supaya dapat mendorong pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis serta melatih pelajar menggunakan pengetahuan sedia ada dalam menghubungkan kait dengan isi pembelajaran yang dipelajari (Mansor, 2015). Penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga adalah satu teknik pengajaran yang diperkenalkan untuk menggalakkan pelajar berfikir dan lebih fokus dalam memahami tajuk yang dipelajari (Hyerle, 2014). Setiap peta pemikiran mempunyai proses pemikiran yang disesuaikan mengikut tajuk atau unit pelajaran.

Secara ringkasnya, kajian untuk mengenal pasti tahap sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* perlu dijalankan agar dapat mengenal pasti tahap penggunaan peta pemikiran *i-Think* secara menyeluruh di kalangan guru Pendidikan Islam supaya dapat meningkatkan kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Peredaran masa membawa perubahan dan cabaran terhadap profesion keguruan termasuk pengubahsuaian fungsi dan peranan guru. Peranan guru sebagai sumber utama pengetahuan kepada pelajar telah bertukar kepada guru sebagai pemudahcara dalam PdPc, agen perubahan dan sumber maklumat kepada pelajar. Guru harus kreatif dan inovatif untuk menjadikan pengajaran lebih efektif, menarik dan menyeronokkan dengan penggunaan peta pemikiran *i-Think* akan menambah kualiti penyampaian guru.

Bahkan menerusi Belanjawan 2020 kerajaan juga telah memberikan peruntukan terbesar daripada keseluruhan peruntukan belanjawan negara kepada pihak KPM iaitu sebanyak RM64.1 bilion pada tahun ini sekali gus mencerminkan komitmen kerajaan terhadap pendidikan negara. Peruntukan penyelenggaraan dan menaik taraf sekolah bertambah daripada RM652 juta pada 2019 kepada RM735 juta pada 2020 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2020). Tindakan ini memperlihatkan komitmen tinggi kerajaan dalam membangunkan generasi pelajar yang berkemahiran abad ke-21 seperti yang tertera dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Menurut Rohaida Yusop & Zamri Mahamod, (2015), sistem persekolahan kurang memberi penekanan terhadap tugas memperkembang daya pemikiran murid. Tumpuan hanya lebih tertumpu kepada penyediaan maklumat dengan tujuan menyediakan murid menghadapi peperiksaan dan menghabiskan sukatan. Terdapat beberapa sebab kemahiran berfikir tidak ditekankan antaranya sesetengah guru hanya berpendapat bahawa murid terlebih dahulu menguasai semua fakta dan konsep sesuatu mata pelajaran sebelum murid boleh digalakkan berfikir. Selari dengan dapatan Fadillah Anak Layang & Zamri Mahamod, (2019), pendidikan di Malaysia yang berorientasikan kepada peperiksaan semata-mata merupakan isu yang perlu diberikan penekanan kerana berkaitan

dengan amalan pengajaran guru. Menurut Rothman et al., (2018), PdP yang masih bertumpu kepada peperiksaan menyebabkan usaha untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Penekanan kepada peperiksaan telah menyebabkan guru kurang memberi perhatian kepada kemahiran berfikir murid sebaliknya menumpukan kepada usaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan juga penguasaan teknik menjawab soalan peperiksaan. Bagi mengubah dasar kurikulum sedia ada di Malaysia,

PPPM 2013-2025 telah menekankan kemahiran berfikir dan memperkenalkan peta pemikiran *i-think* sebagai alat membantu proses kemahiran berfikir yang seterusnya menggalakkan interaksi aktif antara guru dan murid. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, (2014), pelbagai kaedah digunakan ketika PdP dijalankan di dalam bilik darjah bagi membudayakan dan merealisasikan kemahiran berfikir dalam kalangan murid melalui aspek kesediaan dan kebolehan murid, teknik penyoalan dan aktiviti di dalam bilik darjah. Hal ini disokong oleh Zamri Mahamod & Lim, (2011) yang menjelaskan bahawa dalam konteks PdP, penyoalan berupaya dan menggalakkan interaksi guru dan murid secara berkesan.

Namun demikian, sehingga kini belum ada kajian yang menyeluruh dan komprehensif yang mengkaji tahap sikap dan tingkah laku guru Pendidikan Islam dalam menggunakan peta pemikiran i-Think.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengkaji tahap sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah serta melihat perbandingan perbezaan tahap sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

- i. Untuk mengenal pasti tahap sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think.
- ii. Untuk mengenal pasti tahap tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think.
- iii. Untuk mengenal pasti perbezaan sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina.
- iv. Untuk mengenal pasti perbezaan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina.

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan sebagai reka bentuk kajian. Menurut Mohd (Mohd Majid, 2005), kaedah penyelidikan kuantitatif lebih sesuai digunakan kerana kaedah ini menerangkan sesuatu fenomena dalam bentuk angka dan ukuran. Kaedah tinjauan dipilih kerana sesuai untuk ditadbir ke atas sampel dalam masa yang terhad. Selain itu, reka bentuk kajian ini tidak mengganggu guru untuk melakukan tugas seharian mereka. Reka bentuk kajian ini menggunakan instrumen berbentuk soal selidik sebagai alat kajian bertujuan untuk memperoleh data dalam bentuk ukuran kuantitatif. Kajian ini menggunakan soal selidik yang telah diadaptasi daripada (Masrom, 2007).

Dalam kajian ini konstruk sikap dilabel sebagai SKP1 hingga SKP6, manakala bagi konstruk tingkah laku dilabel dengan TL1 hingga TL8. Kajian ditumpukan kepada guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah menengah kebangsaan di Terengganu. Sampel kajian ini melibatkan seramai 103 orang guru Pendidikan Islam. Satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru terpilih sebagai sampel kajian. Data kajian ini dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS Versi 25.0 dengan menggunakan statistik deskriptif seperti min, peratusan dan beberapa Ujian-t. Skala interpretasi yang digunakan bagi min dalam kajian ini bagi menentukan tahap sikap dan tingkah laku berdasarkan konstruk ke atas sampel kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Skor Min Tahap Sikap dan Tingkah Laku

Bil.	Nilai Skor Min	Tahap
1	1.00-4.00	Rendah
2	4.01-7.00	Sederhana
3	7.01-10.00	Tinggi

Sumber: Koh, 2014)

## HASIL KAJIAN

Hasil dapatan melaporkan sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah serta perbezaan tahap terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina. Terdapat dua konstruk utama iaitu sikap guru dan tingkah laku guru.

### Demografi Guru

Kajian ditumpukan kepada semua daerah dalam negeri Terengganu. Kaedah pensampelan dalam kajian ini adalah rawak berstrata. Menurut Ghazali Darusalam, (2018), kaedah ini yang berasaskan kepada nisbah sampel adalah berbeza dengan populasi sebenar. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan pelbagai kategori sekolah diwakili dari populasi sebenar penyelidikan ini. Responden kajian ini dipilih daripada populasi guru iaitu melibatkan seramai 103 orang guru di sekolah menengah kebangsaan di negeri Terengganu. Satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru terpilih sebagai sampel kajian.

### Kekerapan dan Peratusan Mengikut Jantina

Analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 103 orang responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 31 orang lelaki (30.1%) dan 72 orang perempuan (69.9%). Ini dapat dirujuk dalam Jadual 2.

Jadual 2: Pembahagian Respondan Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	31	30.1
Perempuan	72	69.9
Jumlah	103	100.0

### Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran i-Think

Berdasarkan bilangan sampel 103 orang, Jadual 3 menunjukkan nilai purata (Skor Min) dan sisihan piawai (S. Piawai) untuk analisis deskriptif ke atas lapan (8) item bagi mengukur sikap penggunaan peta pemikiran i-Think yang diamalkan oleh guru. Berdasarkan konstruk sikap terhadap peta pemikiran i-Think dalam jadual di bawah, analisis deskriptif menunjukkan lapan item sikap guru dalam menerima guna peta pemikiran i-Think berada di tahap yang tinggi. Majoriti guru sukakan idea penggunaan peta pemikiran i-Think ( $M=7.57$ ) dan mereka juga menunjukkan sikap yang positif terhadap peta pemikiran i-Think yang tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi ( $M=7.46$ ). Selain itu, mereka juga bersetuju peta pemikiran i-Think menjimatkan masa dalam merancang dan melaksana aktiviti pengajaran ( $M=7.66$ ) dan majoriti guru percaya peta pemikiran i-Think menjimatkan masa murid dalam menyiapkan aktiviti pembelajaran ( $M=7.50$ ). Mereka juga mempunyai sikap yang positif kerana ianya melahirkan murid yang aktif dan kreatif ketika membentangkan hasil kerja di dalam kelas ( $M=7.71$ ). Guru juga mempunyai sikap yang positif kerana ianya tidak membebankan guru dan murid dalam melaksanakannya di dalam kelas atau di luar kelas ( $M=7.46$ ) dan kerana ianya dapat melatih murid dalam kemahiran berfikir aras tinggi ( $M=7.48$ ). Guru juga percaya pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think melatih murid untuk lebih berkomunikasi dalam kelas ( $M=7.35$ )

Jadual 3: Tahap sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
SKP1: Saya sukakan idea pengajaran dan pembelajaran menggunakan peta pemikiran i-Think,	7.57	1.672	Tinggi
SKP2: Saya mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan peta pemikiran i-Think kerana ianya tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi.	7.46	1.583	Tinggi
SKP3: Saya mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think kerana ianya menjimatkan masa guru dalam merancang dan melaksana aktiviti pengajaran	7.39	1.646	Tinggi
SKP4: Saya mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think kerana ianya menjimatkan masa murid dalam menyiapkan aktiviti pembelajaran seperti pembentangan dalam kumpulan	7.50	1.770	Tinggi
SKP5: Saya mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think kerana ianya melahirkan murid yang aktif dan kreatif ketika membentangkan hasil kerja di dalam kelas	7.71	1.672	Tinggi
SKP6: Saya mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think kerana ianya tidak membebankan guru dan murid dalam melaksanakannya sama ada di dalam kelas atau di luar kelas	7.46	1.714	Tinggi
SKP7: Saya mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think kerana ianya dapat melatih murid dalam kemahiran berfikir aras tinggi	7.48	1.798	Tinggi
SKP8: Saya percaya pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think melatih murid untuk lebih berkomunikasi dalam kelas (komunikasi dua hala)	7.35	1.954	Tinggi

N=103 Purata Min=7.49

Kesimpulannya, nilai purata min keseluruhan bagi sikap terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think adalah 7.49. Hasil kajian ini menunjukkan konstruk sikap terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think mempunyai tahap yang tinggi bagi seseorang guru dalam menentukan penggunaan peta pemikiran *i-Think*.

### Tahap Tingkah Laku Guru Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran i-Think

Seterusnya, dalam Jadual 4 menunjukkan konstruk tingkah laku guru terhadap peta pemikiran i-Think dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah. Terdapat lapan item bagi konstruk ini dan kesemua item menunjukkan tingkah laku guru terhadap peta pemikiran i-Think berada di tahap tinggi kecuali satu item yang menunjukkan tahap sederhana. Majoriti guru mahukan pendekatan peta pemikiran i-Think sepanjang tahun berjalan ( $M=7.14$ ). Mereka juga menggalakkan murid menggunakan peta pemikiran i-Think ketika membuat nota ( $M=7.59$ ) dan juga menggunakan peta pemikiran i-Think bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid ( $M=7.39$ ). Guru juga bersetuju menggunakan peta pemikiran i-Think sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran di sekolah ( $M=7.28$ ) dan menggunakan peta pemikiran i-Think bagi meningkatkan pencapaian murid dalam ujian dan peperiksaan ( $M=7.26$ ). Mereka juga bersetuju penggunaan peta pemikiran i-Think dapat meningkatkan prestasi kerja guru seperti memastikan objektif pengajaran tercapai ( $M=7.16$ ) dan juga menghasilkan suasana pembelajaran yang aktif ( $M=7.55$ ). Seterusnya guru juga bersetuju menggunakan peta pemikiran i-Think sama ada dalam set induksi atau dalam aktiviti pengajaran atau dalam aktiviti penilaian atau dalam rumusan pengajaran ( $M=6.95$ ).

Jadual 4: Analisis skor min dan sisihan piawai bagi konstruk tingkah laku

Item	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
TL1: Saya menggunakan peta pemikiran i-Think ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran pada tahun ini	103	1	10	7.14	1.895	Tinggi
TL2: Saya menggalakkan murid menggunakan peta pemikiran i-Think ketika membuat nota	103	1	10	7.59	1.881	Tinggi
TL3: Saya menggunakan peta pemikiran i-Think sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran di sekolah	103	1	10	7.39	1.941	Tinggi
TL4: Saya menggunakan peta pemikiran i-Think bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid	103	1	10	7.28	1.927	Tinggi
TL5: Saya menggunakan peta pemikiran i-Think bagi meningkatkan pencapaian murid dalam ujian dan peperiksaan	103	1	10	7.26	1.826	Tinggi
TL6: Saya menggunakan peta pemikiran i-Think bagi meningkatkan prestasi kerja guru seperti memastikan objektif pengajaran tercapai	103	1	10	7.16	1.846	Tinggi
TL7: Saya menggunakan peta pemikiran i-Think bagi menghasilkan suasana pembelajaran yang aktif	103	1	10	7.55	1.856	Tinggi
TL8: Saya menggunakan peta pemikiran i-Think sama ada dalam set induksi atau dalam aktiviti	103	1	10	6.95	1.912	Sederhana

pengajaran atau dalam aktiviti penilaian atau dalam rumusan pengajaran

Valid N (listwise) 103

N=103 Purata Min=7.29

Kesimpulannya, nilai purata min keseluruhan bagi tingkah laku terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think adalah 7.29. Hasil kajian ini menunjukkan konstruk tingkah laku terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think mempunyai tahap yang tinggi bagi seseorang guru dalam menentukan penggunaan peta pemikiran *i-Think*.

### **Perbandingan perbezaan sikap guru terhadap penggunaan Peta Pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina.**

Ho.1 Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah berdasarkan jantina.

Ho.2 Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah berdasarkan jantina.

Hipotesis ini dikemukakan bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min terhadap sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan jantina. Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis tentang min populasi ( $\mu$ ) apabila nilai sisihan piawai populasi ( $\sigma$ ) adalah tidak diketahui. Ujian-t telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas.

Berdasarkan Jadual 5, didapati nilai t bagi perbandingan sikap antara guru lelaki dan guru perempuan ialah  $t = .238$ . Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p = 0.163 > 0.05$ ). Oleh itu, hasil ujian-t telah menerima hipotesis nul ( $H_0$ ). Hal ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan min sikap antara guru lelaki (min = 7.54) dan guru perempuan (min = 7.46) berdasarkan jantina bagi penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam proses pengajaran guru di sekolah.

Jadual 5: Perbezaan sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina

Pemboleh ubah Bersandar	Jantina	Min	Nilai t	Signifikan
Sikap	Lelaki	7.54	.238	.812
	Perempuan	7.46		

### **Perbandingan perbezaan tingkah laku guru terhadap penggunaan Peta Pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina.**

Hipotesis ini dikemukakan bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min terhadap sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan jantina. Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis tentang min populasi ( $\mu$ ) apabila nilai sisihan piawai populasi ( $\sigma$ ) adalah tidak diketahui. Ujian-t telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas



Berdasarkan Jadual 6, didapati nilai  $t$  bagi perbandingan tingkah laku antara guru lelaki dan guru perempuan ialah  $t = .001$ . Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p = 0.163 > 0.05$ ). Oleh itu, hasil ujian- $t$  telah menerima hipotesis nul ( $H_0$ ). Hal ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tingkah laku antara guru lelaki (min = 7.29) dan guru perempuan (min = 7.28) berdasarkan jantina bagi penggunaan Peta Pemikiran i-Think dalam proses pengajaran guru di sekolah.

Jadual 6: Perbandingan Perbezaan tingkah laku guru berdasarkan jantina

Pemboleh ubah Bersandar	Jantina	N	Min	Nilai $t$	Signifikan
Tingkah laku		103			
	Lelaki	31	7.29	.001	.999
	Perempuan	72	7.28		

Secara umumnya, majoriti guru Pendidikan Islam bersikap positif terhadap pendekatan peta pemikiran i-Think. Menurut Rohaida Yusop & Zamri Mahamod, (2015) sikap merangkumi perasaan, kepercayaan dan pemikiran yang mempengaruhi seseorang dalam memberikan nilai terhadap sesuatu aspek yang disukai atau yang tidak disukainya. Sikap adalah satu persediaan mental yang boleh memberi pengaruh reaksi seseorang terhadap sesuatu dengan dinamik. Dapatan ini juga menyokong kajian Mohamad Nurul Azmi Mat Nor & Nurzatulshima Kamarudin, (2017) yang menyatakan bahawa guru yang sentiasa bersikap positif akan turut menghasilkan impak yang positif terhadap hasil pembelajaran dan kemenjadian pelajar. Sikap positif guru terhadap pendekatan mempunyai hubungan dengan tahap sikap dan kemahiran pelaksanaan guru. Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Fadillah Anak Layang & Zamri Mahamod, (2019) yang menyatakan tahap sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-think adalah tinggi. Seterusnya Rothman et al., (2018) yang menyatakan bahawa tahap sikap penggunaan i-Think dalam kalangan guru boleh dipertingkatkan lagi walaupun hasil dapatan kajian menunjukkan tahap sikap guru berada pada tahap tinggi dengan cara memperluas lagi pendedahan penggunaan i-Think dalam bidang pendidikan.

Kajian Rothman et al., (2018) pula menyatakan bahawa sikap terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu kognitif (idea dan kepercayaan), afektif (perasaan dan kecenderungan) dan tingkah laku (tindakan dan jawapan). Tahap kecenderungan tingkah laku atau sikap seseorang yang boleh dicerap melalui gerak balas dan tingkah laku atau sikap terhadap pengamatan sesuatu dipengaruhi oleh ketiga-tiga komponen utama ini. Sikap setiap individu antara satu sama lain adalah berbeza. Merujuk Rohaida Yusop & Zamri Mahamod, (2015) sikap merangkumi perasaan, kepercayaan dan pemikiran yang mempengaruhi seseorang dalam memberikan nilai terhadap sesuatu aspek yang disukai atau yang tidak disukainya. Sikap adalah satu persediaan mental yang boleh memberi pengaruh reaksi seseorang terhadap sesuatu dengan dinamik

Manakala, dari aspek tingkah laku pula, guru Pendidikan Islam menerima baik pendekatan peta pemikiran i-Think dan mereka juga inginkan pendekatan ini dijalankan sepanjang tahun dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, peta pemikiran i-Think banyak memberi manfaat kepada guru sama ada bagi tujuan pembelajaran sendiri atau pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah. Penggunaan peta pemikiran i-Think sangat penting bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Perkara ini bukan sahaja memudahkan pelajar untuk mempelajari sesuatu pelajaran, bahkan memudahkan guru untuk menjadikan pengajaran suatu proses yang bermakna dan berkesan. Kemudahan, keberkesanan, komitmen pentadbir, sokongan peralatan dapat memberi kesan kepada tingkah laku guru sama ada untuk meneruskan atau meninggalkan pendekatan peta pemikiran i-Think. Dapatan kajian ini juga menyokong kajian Fadillah & Zamri,

(2019) yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan, tahap kesediaan dan tahap sikap guru terhadap pelaksanaan peta pemikiran i-think dalam pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian Zamri (2014) menjelaskan bahawa kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengira aspek kemahiran berfikir yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian pelajar.

Kajian Normah Zakaria, Azita Ali, Nur Izeanty Hamidon, (2018) telah menyatakan bahawa pencapaian murid telah mengalami perubahan ke arah positif setelah pengaplikasian peta pemikiran i-Think dalam pengajaran dan pembelajaran. Peningkatan markah yang berlaku menunjukkan bahawa penggunaan i-Think sebagai satu kaedah pengajaran yang amat sesuai dipraktikkan dalam kalangan guru. Aplikasi penggunaan peta pemikiran i-Think ini juga membolehkan guru mengambil peluang untuk melaksanakan pembelajaran kolaboratif dalam bilik darjah. Kaedah ini digunakan untuk membolehkan guru dan murid berinteraksi antara dua hala semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, ini akan mewujudkan hubungan kerja berpasukan di kalangan murid dan dapat memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi di kalangan murid. Tugas seorang guru adalah untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai pada hari itu. Sehubungan itu, guru seharusnya mahir dalam menggunakan alat berfikir ini untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan keperluan dan masa. Oleh kerana itu, penggunaan peta pemikiran i-Think ini merupakan sebahagian daripada teknik untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi di kalangan murid. Justeru guru perlu menguasai tahap amalan penggunaan kaedah kerana guru berperanan untuk mendidik seseorang individu untuk menjadi lebih baik dan memberikan penilaian terhadap murid (Aniza Ahmad & Zamri Mahamod, 2015). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak selari dengan kajian Nor Hasmaliza Hassan & Zamri Mahamod, (2016) yang menyatakan tahap kesediaan penggunaan peta pemikiran i-think berada pada tahap sederhana, namun begitu guru didapati tetap mengaplikasikan penggunaan peta pemikiran i-think dalam proses PdP bagi menambahkan pengetahuan pembelajaran murid walaupun tahap amalan guru terletak pada tahap sederhana.

Seterusnya dapatan bagi analisis *independent sample t-test* terhadap sikap dan tingkah laku menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor jantina. Ini menunjukkan faktor jantina tidak mempunyai pengaruh terhadap sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran di sekolah. Ini disebabkan oleh ilmu pengetahuan merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam fitrah kehidupan seharian manusia dalam melakukan tugas harian. Tidak terkecuali juga bagi seorang guru dalam usaha menyalurkan ilmu pengetahuan yang diketahui kepada pelajar-pelajarnya. Seorang guru haruslah mempunyai pengetahuan yang terperinci mengenai mata pelajaran yang diajarkan atau kaedah yang ingin diterapkan dalam proses Pengajaran dan pembelajaran (Fadillah Anak Layang & Zamri Mahamod, 2019). Penyataan ini disokong sepenuhnya oleh Zamri, (2011) yang menyatakan bahawa guru sebagai penterjemah kurikulum di sekolah harus mempunyai pengetahuan, kefahaman dan keyakinan dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar supaya dapat menjayakan proses pengajaran yang dirancang.

Perubahan pembelajaran melalui penggunaan peta pemikiran *i-Think* ini harus dilalui dan dilaksana dengan sebaik mungkin bagi mewujudkan pembelajaran abad ke-21 yang berpusatkan murid dan guru sebagai pemudahcara. Pengaplikasian peta pemikiran i-Think harus ditekankan bagi menghasilkan murid yang kreatif, kritis dalam pemikiran mereka. Hal ini kerana, mereka perlu menghadapi perkembangan teknologi dan arus globalisasi dalam kehidupan mereka. Guru juga perlu berhadapan dengan cabaran ini bagi mendidik dan membentuk peribadi insan dalam kalangan generasi Z dan Alpha. Menurut Khalidah Othman, Saodah Ismail, Haslina Jaafar, & Aminah Samsudin, (2014) dapatan kajian menunjukkan pelajar bersetuju peta pemikiran i-Think diaplikasi dalam

pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi peta pemikiran i-Think membolehkan pelajar lebih kreatif, berani dan bersedia menggunakan pengurusan grafik dalam pengajaran dan pembelajaran.

## KESIMPULAN

Kajian ini cuba mencari bukti empirikal, mengenal pasti sikap dan tingkah laku guru Pendidikan Islam bagi menentukan tahap penggunaan peta pemikiran i-Think. Kajian ini penting dilakukan bagi mengukur tahap penggunaan guru dan penerimaan pelajar. Peta pemikiran i-Think merupakan alat yang perlu digunakan untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Tidak dinafikan juga terdapat beberapa masalah dan kekangan dalam meningkatkan kemahiran penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah. Oleh yang demikian, guru-guru Pendidikan Islam mesti berusaha untuk meningkatkan kemahiran masing-masing agar pengajaran yang dilaksanakan dapat menunjukkan keberkesanan sebagaimana yang dikehendaki dalam objektif program tersebut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor lain seperti jantina tidak memberikan perbezaan yang signifikan kepada tahap mereka terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kemampuan dan upaya guru itu sendiri penting dalam membina sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah.

Kajian ini secara keseluruhannya telah menunjukkan bahawa penggunaan *i-think* telah membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Secara tuntasnya, kaedah pengajaran yang lebih terkini sifatnya amat sesuai untuk melahirkan murid yang berfikir kreatif dan kritis. Dengan pengamalan budaya berfikir yang tinggi dalam kalangan guru, sudah semestinya membantu para guru menarik minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam terutama ketika di dalam bilik darjah. Hal ini bermakna kaedah pengajaran yang lebih bersifat konvensional, iaitu pengajaran yang lebih berfokus guru sudah tidak relevan lagi pada masa ini. Sehubungan dengan itu, kaedah pengajaran yang lebih bersifat terkini seperti penggunaan iThink i-think perlu menjadi pegangan warga guru pada era globalisasi ini demi melahirkan murid yang mempunyai minda kelas pertama. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih menyeluruh terhadap penggunaan *i-Think* dalam meningkatkan budaya berfikir dalam kalangan guru dan murid perlu dilaksanakan.

## PENGHARGAAN

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Roslan bin Ab Rahman selaku penyelia yang banyak membantu dalam menyiapkan artikel ini. Tidak dilupakan juga kepada Perpustakaan Unisza yang menyediakan pelbagai kemudahan dalam pencarian maklumat.

## RUJUKAN

- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(1): 18-29.
- Fadillah, A. L., & Zamri, M. (2019). Tahap Pengetahuan, Kesiediaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah

- Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. (Malay). *Knowledge, Readiness and Attitude of Malay Language Primary School Teachers at Kapit District to Implementing i-Think Map in Teaching and Learning*. (English).
- Ghazali Darusalam. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hyerle, D. (2014). Thinking maps®: A visual language for learning. In *Advanced Information and Knowledge Processing*. [https://doi.org/10.1007/978-1-4471-6470-8\\_4](https://doi.org/10.1007/978-1-4471-6470-8_4)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Pelaksanaan KBAT di Sekolah. *Buletin Anjakan*.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2018). Belanjawan 2019. *Kementerian Kewangan Malaysia*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Laporan Tahunan 2014. Kementerian Pendidikan Malaysia. *KPM*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.
- Khalidah Othman, Saodah Ismail, Haslina Jaafar, & Aminah Samsudin. (2014). Kajian tinjauan : aplikasi Peta Pemikiran i-Think dalam pengajaran dan pembelajaran literasi nombor. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN*.
- Koh, L. C. (2014). (n.d.). *Ciri-ciri organisasi pembelajaran mengikut persepsi guru di sekolah-sekolah menengah di Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mansor, R. (2015). Keberkesanan penggunaan I-Think terhadap pencapaian dan minat murid dalam tajuk sifat bahan, Sains Tahun 4. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*.
- Masrom, M. (2007). Technology acceptance model and E-learning. *12th International Conference on Education*.
- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor, ., & Nurzatulshima Kamarudin, . (2017). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kurikulum reka bentuk dan teknologi (RBT) sekolah rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*. <https://doi.org/10.1080/08870440701520973>
- Mohd Majid, K. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Edisi ke-3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hasmaliza Hassan, & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Malay Language Education Journal*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Normah Zakaria, Azita Ali, Nur Izeanty Hamidon, S. A.R. (2018). Aplikasi Peta Pemikiran I-Think Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *UTHM*.
- Nurhafizah Zaidi, Roslinda Rosli, & Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2015). Aplikasi Peta Pemikiran i-THINK Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. *World Academic And Research Congres 2015*.
- Rohaida Yusop, & Zamri Mahamod. (2015). Keberkesanan Peta Pemikiran (i-Think) Dalam Meningkatkan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 6. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*.
- Rothman, J. (2018). Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa (SAPBaSBuM 2 2019) 049-. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Zamri, M. (2011). Memperkasa guru, mempercepat pelajar: pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu dalam abad ke-21. *Seminar Bahasa Melayu*, 1–30.
- Zamri Mahamod, & Lim, N. R. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 34-46.